

05 APR 1999

Mahkamah-Anwar

ANWAR JAWAB PEMBELAAN DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini mengemukakan jawapan kepada pernyataan pembelaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam saman fitnahnya terhadap Dr Mahathir dengan tuntutan RM100 juta.

Kenyataan jawapan itu difailkan oleh peguam Karpal Singh pada pukul 1.45 tengah hari di pejabat pendaftar Mahkamah Tinggi di Wisma Denmark.

Anwar, 51, yang juga bekas Menteri Kewangan, mendakwa bahawa Dr Mahathir telah memfitnahnya secara lisan pada persidangan media yang diadakan di Jabatan Perdana Menteri pada 22 Sept tahun lepas.

Dalam pembelaannya yang dikemukakan pada 22 Mac, Dr Mahathir berkata perkataan yang dikatakan fitnah itu disiarkan atas sifatnya sebagai Perdana Menteri Malaysia dan berdasarkan perlindungan bersyarat.

Dalam jawapannya kepada pembelaan itu Anwar berkata, Dr Mahathir tiada pembelaan perlindungan bersyarat.

Anwar juga secara alternatifnya berkata Dr Mahathir tidak boleh bergantung kepada pembelaan perlindungan bersyarat kerana Dr Mahathir dalam mengatakan dan mengakibatkan penerbitan dan penerbitan semula, di dalam dan di luar negara, perkataan menyinggung oleh dan berkenaan beliau (Anwar) telah bertindak secara berniat jahat.

"Seterusnya, pembelaan perlindungan bersyarat mesti gagal kerana perkataan-perkataan tersebut telah dikatakan oleh Dr Mahathir secara melulu dan didorong keseluruhannya oleh niat jahat terdahulu," kata Anwar.

Beliau mendakwa Dr Mahathir telah gagal mengesahkan kebenaran perkataan-perkataan menyinggung ataupun membuat sebarang pertanyaan munasabah dengan sesiapa yang terlibat secara terus menerus iaitu beliau (Anwar) ataupun Dr Munawar Ahmad Anees, tetapi memilih untuk bergantung kepada maklumat polis yang ketepatannya diragukan.

Anwar berkata beliau telah menegaskan sejurus sebelumnya, bahawa penyingkiran beliau daripada jawatan politiknya adalah disebabkan oleh suatu konspirasi pada tahap tertinggi melibatkan institusi termasuk pihak polis.

Beliau juga mendakwa Dr Mahathir telah mengambil peluang ke atas penahanan beliau dan mengatakan perkataan-perkataan yang menyinggung dengan niat bahawa liputan di dalam dan luar negara atau secara alternatifnya mengetahui sepenuhnya bahawa perkataan itu akan diterbitkan di seluruh dunia supaya beliau sendiri boleh melanjutkan faedah politiknya dengan niat politik yang jelas merosakkan dengan efektif reputasi Anwar di dalam dan di luar negara.

Justeru itu, Anwar berkata dalam apa jua keadaan, beliau akan menegaskan Dr Mahathir dengan sengaja mengakibatkan penerbitan dan percetakan di dalam dan luar negara dan melalui media elektronik, termasuk CNN dan CNBC.

Selain ganti rugi, kos dan relief lain yang difikirkan patut oleh mahkamah, Anwar juga memohon injunksi untuk menghalang Dr Mahathir daripada mengeluarkan apa-apa lagi kenyataan berunsur fitnah terhadapnya.

Dalam pernyataan tuntutan yang dipinda, Anwar berkata Dr Mahathir secara palsu dan berniat jahat bercakap kepada media tempatan dan antarabangsa dengan menyentuh perkara-perkara yang membabitkannya atas sifatnya sebagai timbalan perdana menteri.

Anwar berkata perkataan-perkataan yang dikatakan fitnah itu dituturkan oleh Dr Mahathir dengan maksud untuk memburuk-burukkannya atas sifat

individu dan rasmi termasuk sebagai TPM dan Menteri Kewangan.

Anwar berkata, perkataan-perkataan itu disiarkan dalam akhbar The Sun bertarikh 23 Sept 1998 di bawah tajuk "Anwar's behaviour despicable: PM" yang diedarkan secara meluas di Malaysia.

Ia juga disiarkan dalam majalah Newsweek bertarikh 5 Okt, 1998 di bawah tajuk "Here's Mud in Your Face - Accusations of sexual misconduct and corruption in an Asian smear war that rivals even Washington's", kata beliau.

Anwar berkata perkataan-perkataan itu juga disiarkan menerusi televisyen melalui CNN International dan stesen televisyen dan radio lain di seluruh dunia.

Anwar mendakwa bahawa akibat penerbitan dan penyiaran perkataan-perkataan fitnah itu, nama baik, perwatakan dan reputasinya telah tercemar, baik di dalam negara mahupun antarabangsa.

Beliau juga menyaman Sun Media Corporation Sdn Bhd, dengan menuntut sebanyak RM100 juta lagi sebagai ganti rugi kerana fitnah berhubung artikel yang disiarkan dalam akhbar itu.

Anwar, yang dipecat daripada Kabinet pada 2 Sept 1998, kemudian didakwa atas lima tuduhan melakukan amalan rasuah dan lima tuduhan liwat di Mahkamah Tinggi.

Mahkamah Tinggi akan memberi keputusan terhadap empat daripada tuduhan rasuah itu pada 14 April. Tuduhan lain belum didengar.

Sementara itu, Karpal Singh dalam satu kenyataan akhbar berkata demi kepentingan awam, kes saman itu perlu didengar awal dan berharap Hakim Besar Malaya Datuk Wan Adnan Ismail akan memberi keutamaan untuk mendengar kes itu.

-- BERNAMA  
KLS AHH NMO